

# Rayuan warga emas, 59, terhadap hukuman penjara 32 tahun ditolak

**SIBU:** Mahkamah Tinggi Sibu, semalam menolak rayuan seorang warga emas yang dijatuhi hukuman penjara 32 tahun atas tiga pertuduhan sumbang mahram dengan cucunya sehingga mengandung dua tahun lepas.

Hakim Alvin Leong Yin Yuan ketika membacakan keputusan menolak rayuan itu berkata, tiga kejadian yang berasingan itu sama sekali bukan sebahagian daripada transaksi atau perbuatan yang sama.

“Ia merupakan kejadian yang berasingan dan serius. Hukuman yang telah dijatuhkan sebenarnya sudah berada pada tahap yang lebih rendah.

“Sebarang kesan hukuman yang dikatakan menindas adalah sepenuhnya wajar diterima.

“Rayuan perayu hendaklah ditolak,” ujarnya.

Leong turut memberitahu, hakikatnya bahawa Mahkamah Adat telah menjatuhkan hukuman terhadap perayu dalam apa jua keadaan menunjukkan bahawa perlakuan perayu itu sendiri tidak dapat diterima mengikut piawaian masyarakatnya.

“Undang-undang tetap undang-undang tanpa mengira budaya atau agama,” tegas beliau ketika membacakan keputusan terhadap perayu/tertuduh yang berusia 59 tahun, semalam.

Pada 6 Mac 2025, Mahkamah Sesyen Kapit menjatuhkan hukuman penjara berjumlah 32 tahun ke atas perayu/tertuduh atas tiga pertuduhan sumbang

mahram dengan cucunya sehingga mengandung.

Hakim Musyiri Peet menjatuhkan hukuman penjara masing-masing 10 tahun bagi pertuduhan pertama dan kedua, manakala penjara 12 tahun bagi pertuduhan ketiga terhadap tertuduh, dimana hukuman diperintah berjalan secara berasingan.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, dia didakwa melakukan sumbang mahram dengan melakukan hubungan seks dengan mangsa di dalam bilik tidur di rumah mereka di Nanga Banjor, Song pada April dan Mei 2023, jam lebih kurang 10.30 malam dan 11 malam.

Sementara bagi pertuduhan ketiga, dia didakwa melakukan kesalahan sama pada bulan Mei 2024, di ruang tamu rumah tersebut kira-kira jam 10 malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 376B(1) Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sabit kesalahan di bawah Seksyen 376B(1) hendaklah dihukum penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak lebih 30 tahun serta sebatan. Seksyen 16(1) pula memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih lima tahun dan juga sebatan tidak kurang dua kali.

Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth Netto dalam hujah lisannya berkata, kesalahan yang dilakukan perayu/

tertuduh adalah tiga kesalahan yang berasingan serta penderaan seksual serius dan berulang terhadap seorang kanak-kanak.

Selain itu katanya, ia juga satu pecah amanah yang amat berat oleh seorang datuk dan penjaga, yang mendatangkan kesan fizikal dan psikologi yang serius kepada mangsa yang merupakan seorang anak yatim.

Beliau turut memberitahu mahkamah tidak seharusnya memberi tumpuan kepada usia perayu/tertuduh semata-mata, sebaliknya memberi tumpuan kepada tahap keseriusan perbuatan yang telah dilakukan.

“Ini ialah seorang datuk yang diamanahkan untuk menjaga seorang kanak-kanak yatim, namun berulang kali melakukan sumbang mahram terhadap mangsa sehingga menyebabkan kehamilan dan trauma psikologi.

“Sekiranya hukuman berturutan tidak sesuai dikenakan dalam kes seperti ini, maka sukar untuk membayangkan bilakah hukuman sedemikian boleh dianggap wajar.

“Sehubungan itu, Hakim Mahkamah Sesyen yang kebijaksanaan tidak melakukan sebarang kesilapan dari segi prinsip,” ujarnya sambil menambah pihak responden memohon agar rayuan ditolak dan hukuman yang dijatuhkan dikekalkan.

Ketika prosiding semalam, perayu/tertuduh diwakili oleh Eliah Lau dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.